

# Parti Sosialis Malaysia Semenyih

Pusat Khidmat Rakyat PSM cawangan Semenyih  
& ahli majlis kawasan Semenyih.

Berkhidmat kepada penduduk Kajang, khususnya  
di sekitar kawasan Semenyih. Kebajikan rakyat  
diutamakan.



Wednesday, July 16, 2008

## Angkat sumpah and attire pakaian



Pada 8 Julai 2008, saya telah mengambil sumpah sebagai Ahli Majlis Kajang di Bangunan MPKj yang baru. Sebelum hari-hari tersebut, saya sungguh tertekan kerana pakaian formal untuk angkat sumpah adalah "lounge suit". Saya keberatan kerana saya memang tidak mempunyai lounge suit dan saya memang tak selesa memakai satu.

Pada 5hb. Julai 2008, semasa kami disuruh memakai baju batik untuk mengambil watakah pelantikan ahli majlis dari Menteri besar Selangor. Hanya dua orang yang tidak memakai baju batik iaitu baju rasmi untuk upacara tersebut. Dua orang tersebut adalah sdr. Selvam - Ahli JK Pusat PSM dan saya yang memakai baju t-shirt anti ISA. Maka semua mata memandang kepada kami.

Pada 8hb. Julai, setelah banyak berbincang dengan kawan-kawan lain, akhirnya saya berkompromi dan memakai baju kemeja lenggan pendek. Pakai baju kemeja lenggan pendek pun dapat reaksi dari ramai orang, "Woh ! smartlah arul hari ini " dan sebagainya. Pada hari tersebut hujan lebat. Apabila saya sampai ke MPKj dengan kereta kelisa Letchimi, pengawal MPKj cukup genbira. Dia bercakap, "patutlah hujan hari ini, Ahli Majlis Arul datang dengan kereta dan bukan motorsikal". Nampaknya itulah imej saya dikalangan pekerja biasa di MPKj.

Namun dalam upacara formal tersebut. Hanya saya seorang sahaja yang tidak memakai lounge suit sehingga YDP MPKj semasa ucapannya sering meminta Ahli Majlis mengikuti etika pakaian kerana ia adalah undang-undang. Selepas upacara itu, seorang juru-ukur pakaian pula mengambil ukuran setiap Ahli Majlis untuk memastikan kita memakai pakaian rasmi semasa Majlis pertama pada 30hb. Julai 2008.

Semasa dalam lobby, seorang Pegawai MPKj bertanya kepada saya, " Mengapa Encik Arul tidak mahu pakai lounge suit?". Saya menjawab bahawa tugas Ahli Majlis adalah - S L R L J iaitu sampah, longkang, rumput, lampu dan jalan. Itulah skop tugas kita dan saya tidak lihat ada apa yang kena mengena dengan lounge suit.

Namun pada hari tersebut, sayalah ahli Majlis yang dihadiri oleh ramai kawan walaupun saya tidak menghebohkan kepada sesiapa. Ada yang membawa bunga.

Maka itulah kisah saya mengambil sumpah. Taklimat untuk hari Majlis adalah pada 22hb. Julai 2008 manakala Mesyuarat Ahli Majlis pertama adalah pada 30hb. Julai 2008.

Posted by PSM Semenyih at [7/16/2008 10:51:00 AM](#)

## No comments:

[Post a Comment](#)

### Hubungi Kami (Contact)

#### EMAIL

[psmsemenyih@gmail.com](mailto:psmsemenyih@gmail.com)

#### TEL

**03-87237791**

012-3797310


019-2612259

#### WAKTU OPERASI

Isnin: 10 am -6 petang

Perjumpaan bersama Sdr Arul  
setiap hari Selasa selepas 12 pm

### Facebook



### Twitter